



# Perhambaan dan Pemerdagangan Manusia

Perhambaan dan pemerdagangan manusia adalah jenayah yang dianggap serius di Australia.

Perhambaan dan pemerdagangan manusia adalah salah di sisi undang-undang.

Seorang yang melakukan perbuatan jenayah ini boleh dikenakan hukuman penjara, tanpa mengira sama ada mereka lelaki atau wanita.

Sekiranya anda atau seseorang yang anda kenal berada dalam bahaya, sila hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

**Kerajaan Australia tidak akan bertolak ansur terhadap perhambaan moden dan pemerdagangan manusia dalam apa-apa jua keadaan.**

Perhambaan dan pemerdagangan manusia berlaku apabila seseorang dipaksa berada dalam keadaan dieksploitasi oleh seseorang untuk keuntungan orang lain. Keadaan ini boleh berlaku kepada lelaki, wanita dan juga kanak-kanak. Perhambaan dan pemerdagangan manusia termasuk:

- perhambaan, pengabdian atau buruh paksa dalam industri-industri seperti hospitaliti, pembinaan, perhutanan, perlombongan atau pertanian, dan juga perhubungan intim;
- ikatan hutang;
- eksploitasi seks;
- perkahwinan paksa, atau
- pemerdagangan untuk tujuan pengambilan organ.

**Perhambaan dan pemerdagangan manusia adalah jenayah yang dianggap tersembunyi.**

Perhambaan dan pemerdagangan manusia merupakan jenayah yang sukar dikesan. Orang mungkin tidak mendapatkan bantuan kerana takut terhadap tindak balas daripada pihak yang mengeksploitasi diri mereka atau takut kehilangan status migrasi mereka.

Tanda-tanda yang boleh menunjukkan bahawa seseorang itu sedang dipemerdagangkan termasuk seseorang

- digertak, diancam atau dipaksa untuk bekerja;
- terdedah kepada suasana keadaan kerja yang teruk;
- tidak dibayar atau kelihatan seolah-olah sedang membayar balik hutang yang besar kepada majikannya atau pihak ketiga; atau

- mempunyai pasport atau dokumen peribadinya yang lain dipegang oleh pihak ketiga dan mereka tidak dapat mengakses dokumen tersebut apabila dikehendaki.

## Adakah anda, atau sesiapa yang anda kenali, terdedah kepada risiko ini?

Jika anda atau seseorang yang anda kenali berada dalam keadaan, atau terdedah kepada risiko perhambaan atau pemerdagangan manusia, anda boleh menghubungi Polis Persekutuan Australia (**Australian Federal Police - AFP**) di talian **131 237** (131AFP) atau melayari tapak web **AFP** di **www.afp.gov.au** untuk mendapatkan bantuan. AFP boleh melindungi anda, memberi nasihat dan merujuk anda kepada perkhidmatan lain untuk sokongan, seperti penginapan, sokongan kewangan, khidmat kaunseling dan nasihat undang-undang serta imigresen.

Program Sokongan untuk Orang yang Dipemerdagangkan (**Support for Trafficked People Program**) dibiayai oleh Kerajaan dan disediakan oleh Palang Merah Australia (Australian Red Cross) untuk menyediakan bantuan kepada orang yang menjadi mangsa perhambaan atau pemerdagangan manusia.

## Terdapat perkhidmatan lain di Australia yang dapat membantu.

**1800RESPECT** ialah perkhidmatan kaunseling bagi keganasan rumah tangga, keluarga dan serangan seksual di Australia. Perkhidmatan ini menyediakan khidmat telefon sulit, khidmat kaunseling dan maklumat dalam talian. Kaunselor akan mendengar kisah anda, menjawab pertanyaan anda dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan yang lain di kawasan tempatan anda.

Hubungi **1800 737 732** atau layari **tapak web 1800RESPECT** di **www.1800RESPECT.org.au**.

## Adakah anda memerlukan perkhidmatan penterjemah?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service - TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, namun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit.

## Maklumat lanjut tentang perhambaan dan pemerdagangan manusia di Australia:

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Support for Trafficked People Program, sila layari tapak web Jabatan Perkhidmatan Sosial (Department of Social Services) di **www.dss.gov.au** atau tapak web Australian Red Cross di **www.redcross.org.au**. Anda juga boleh menghantar e-mel kepada Australian Red Cross di **national\_stpp@redcross.org.au**.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perhambaan dan pemerdagangan manusia, layari tapak web Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri (Department of Home Affairs) di **www.homeaffairs.gov.au** atau tapak web Australian Federal Police di **www.afp.gov.au** dan lakukan carian "human trafficking" (pemerdagangan manusia).